

|           |                 |
|-----------|-----------------|
| Newspaper | Utusan Malaysia |
| Date      | 3 July 2015     |

# Dr. M bertegas tolak liberalisasi automotif

UM-3/7/2015

■ KUALA LUMPUR 2 JULAI

**B**EKAS Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad sekali lagi menegaskan pendirian beliau yang tidak menyokong liberalisasi industri automotif kerana lebih banyak kesan negatif terhadap proses itu.


Beliau menerusi blog *chedet.co.cc* berkata, persaingan dengan kereta dari Jepun, Korea, China dan Jerman memang bagus tetapi negara berkenaan mempunyai syarat serta standard yang menghalang kereta tempatan untuk diimport.

Katanya, pengguna di negara tersebut dalam pada itu tidak dapat merasai manfaat daripada persaingan yang dialami pemain industri automotif di Malaysia.

Beliau yang juga Pengerusi Proton Holdings Bhd. (Proton) berkata, sesetengah orang tidak perasan akan kapasiti industri itu di dalam negara yang tidak setaraf dengan Jepun, Korea, China dan Jerman.

“Kita mungkin menang pertandingan tilawah al-Quran tetapi saya tidak merasakan kemenangan dalam bidang automotif. Kita boleh menyerlah dalam sukan badminton dan skuasy tetapi bukan dalam permainan bola sepak.

“Walau bagaimanapun, jika persaingan perlu dilakukan untuk memberi manfaat kepada pengguna, kita akan lakukan. Apa pun, jumlah pengguna lebih ramai berbanding bilangan pekerja sektor tersebut,” katanya.



“Walau bagaimanapun, jika persaingan perlu dilakukan kepada pengguna, kita akan lakukan. Apa pun, jumlah pengguna lebih ramai berbanding bilangan pekerja sektor tersebut.”

**DR. MAHATHIR MOHAMAD**  
Bekas Perdana Menteri

Baru-baru ini, Ketua Pegawai Eksekutif Institut Automotif Malaysia (MAI), Mohamad Madani Sahari menyatakan persaingan melalui industri terbuka baik buat pengguna selain membolehkan pemain industri meneroka pasaran eksport.

Tidak berpuas hati dengan kenyataan itu, Dr. Mahathir menjelaskan, sekiranya pembuat kereta Malaysia kalah kepada syarikat antarabangsa, operasi syarikat tempatan akan ditutup, mengakibatkan ratusan ribu pekerja, jurutera dan pengurus akan hilang pekerjaan sekali gus keluarga mereka bakal menderita.

“Walau bagaimanapun, semua ini tidak mengapa kerana pengguna akan dapat kereta lebih bagus pada harga lebih murah daripada negara luar.

“Semestinya duit Malaysia akan disalurkan ke negara lebih kaya dan pekerja mereka justeru menjana pendapatan lebih tinggi. Tetapi, ini adalah polisi kerajaan untuk menyokong import dan kita perlu terima,” sindirnya.

Tambahnya, sehubungan itu, biarlah persaingan diteruskan demi manfaat kepada pengguna, di mana mereka yang hilang pekerjaan tidak mampu untuk merasainya, tetapi itu adalah harga yang perlu dibayar.